

THE WAR GOES ON: PENELITIAN TERHADAP TRANSKRIP RUNDINGAN BALING, 28 DAN 29 DISEMBER 1955

(THE WAR GOES ON: A STUDY OF THE TRANSCRIPT OF BALING NEGOTIATION, 28 AND 29 DECEMBER 1995)

HANIFFA, M. A.¹ – SAIDON, M. K.^{2*} – BAHADOR, Z.² – ISMAIL, S.¹

¹ *Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia.*

² *Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: kasri[at]uum.edu.my*

(Received 01st May 2026; revised 20th May 2026; accepted 28th May 2026)

Abstrak. Artikel ini meneliti transkrip Rundingan Baling pada 28 hingga 29 Disember 1955 berikutan usaha kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dalam menamatkan darurat. Pengampunan kepada pengganas komunis diumumkan pada 8 September 1955 sejurus kemenangan Parti Perikatan dalam Pilihan raya Umum 1955. Usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan telah membawa kepada pertemuan wakil komunis iaitu Chin Peng, Chen Tien dan Rashid Maidin bersama Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock serta David Marshall. Baling English School, menjadi tempat pertemuan antara wakil kerajaan dan Parti Komunis Malaya (PKM). Perbincangan artikel ini menggunakan pendekatan sejarah yang merujuk kepada wawancara bersama informan terpilih, Rekod Arkib Negara Malaysia, akhbar dan dokumen sekunder yang lain. Hasil penelitian penulis, mendapati terdapat sebanyak 308 soal jawab yang melibatkan komunikasi di antara wakil kerajaan dan PKM sepanjang tempoh rundingan selama dua hari. Walaupun, Rundingan Baling tidak berjaya membawa kepada pembubaran PKM seperti mana yang dihasratkan oleh Tunku Abdul Rahman namun menjadi detik penting dan bermakna dalam sejarah negara. Kredibiliti dan ketegasan Tunku Abdul Rahman yang tidak berkompromi dengan wakil PKM menunjukkan sifat terpuji negarawan tersohor.

Katakunci: *rundingan Baling, pilihan raya umum 1955, Tunku Abdul Rahman, Chin Peng, Baling English School*

Abstract. This article examines the transcript of the Baling Talks held from 28 to 29 December 1955, following the efforts of the Government of the Federation of Malaya to end the Emergency. An amnesty for communist terrorists was announced on 8 September 1955, shortly after the victory of the Alliance Party in the 1955 General Election. The government's initiative led to a meeting between communist representatives, namely Chin Peng, Chen Tien and Rashid Maidin, and Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock and David Marshall. Baling English School became the venue for the meeting between representatives of the government and the Malayan Communist Party (MCP). This article adopts a historical approach, drawing on interviews with selected informants, records from the National Archives of Malaysia, newspapers and other secondary documents. The author's analysis found that there were 308 question-and-answer exchanges involving communication between representatives of the government and the MCP throughout the two-day negotiation period. Although the Baling Talks did not succeed in bringing about the dissolution of the MCP, as intended by Tunku Abdul Rahman, they remain an important and meaningful moment in the nation's history. The credibility and firmness of Tunku Abdul Rahman, who refused to compromise with the MCP representatives, demonstrated the admirable qualities of a distinguished statesman.

Keywords: *Baling negotiations, 1955 general election, Tunku Abdul Rahman, Chin Peng, Baling English School*

Pengenalan

Rundingan Baling pada tahun 1955 adalah peristiwa penting dalam sejarah negara. Komunis melakukan kezaliman berikutan kegagalan mengambil tampuk pemerintahan negara selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Situasi yang tidak dapat dibendung menyebabkan Kerajaan British terpaksa mengisytiharkan darurat pada 16 Jun 1948 berikutan pembunuhan tiga orang peladang bangsa eropah di Sungai Siput, Perak. Rundingan tersebut mewakili dua pihak iaitu Kerajaan dan Parti Komunis Malaya. Pihak Kerajaan diwakili oleh Yang Teramat Mulia (YTM) Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj bersama Tan Cheng Lock, dan David Marshall. Di pihak Parti Komunis Malaya (PKM) diwakili oleh Chin Peng, Rashid Maidin dan Chen Tian. Rundingan Baling diadakan pada 28 dan 29 Disember 1955 di Baling English School. Intipati perbincangan ialah mengenai syarat-syarat pengampunan yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu kepada pihak komunis bagi menamatkan darurat.

Instrumen dan Metod Kajian

Perbincangan artikel ini menggunakan pendekatan sejarah yang merujuk kepada sumber primer dan sekunder. Sumber primer diperoleh dari National Archives, United Kingdom dan Arkib Negara Malaysia dan Cawangan Johor. Turut diteliti terhadap sumber sekunder seperti buku, jurnal dan akhbar. Bagi mendapatkan gambaran yang menyeluruh, wawancara bersama informan terpilih juga turut digunakan.

Sumber lisan dalam penulisan sejarah

Penggunaan keterangan lisan dalam penyelidikan sejarah merupakan pendekatan baharu. Penggunaan dokumen berupa rekod-rekod arkib menyebabkan terdapat beberapa bahagian data penting hilang begitu sahaja. Walau bagaimanapun, terdapat juga kekangan dalam mendapatkan dokumen yang tepat sebelum kemerdekaan negara. Situasi tersebut semakin rumit berikutan penyelidik yang lebih fokus dalam menggunakan sumber primer seperti dokumen arkib yang telah tersedia. Ini kerana carian bukti melalui keterangan lisan akan mengambil tempoh masa yang agak lama dan perlu ditranskripkan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa peristiwa penting negara yang perlu dilengkapkan dengan menggunakan keterangan lisan. Selain itu, sumber lisan penting sebagai salah satu usaha untuk mengisi kekosongan yang terdapat di dalam rekod-rekod bertulis. Dokumen yang bersifat kaku hanya mencatatkan peristiwa-peristiwa penting sahaja menyebabkan terdapatnya ruang kosong dalam pendokumentasian. Elemen yang melibatkan nilai dan kemanusiaan juga turut tidak disentuh dalam dokumen rasmi.

Walaupun bagaimanapun, sumber lisan hanya merupakan salah satu metode untuk menambah maklumat yang sedia ada dan bukan untuk terus menggantikan rekod-rekod bertulis secara keseluruhannya. Justeru itu, maklumat yang diperoleh daripada keterangan saksi proto, saksi mata ataupun saksi dengar membolehkan penyelidikan dilaksanakan tanpa bias. Dapatan yang diperoleh mampu berperanan sebagai penyelamat dan menyediakan maklumat sejarah yang bernilai serta mungkin tidak dapat diperoleh oleh pengkaji akan datang.

Dr. Zahidi Zainol Rashid bersama jawatankuasa penaja telah mengambil inisiatif bagi merealisasikan penubuhan sebuah persatuan yang berfungsi dalam memartabatkan sejarah lisan di Malaysia. Justeru itu, Persatuan Sejarah Lisan Malaysia (PSLM)

ditubuhkan sebagai landasan jaringan kerjasama dengan agensi lain dalam mengadakan kajian sejarah lisan di Malaysia. Di samping itu, untuk mengadakan kursus untuk menjalankan kajian sejarah lisan dan menggiatkan pendokumentasian sejarah lisan di Malaysia. Sebagai sebuah persatuan yang dianggotai oleh pelbagai lapisan, sudah semestinya salah satu tujuannya mewujudkan 'code of practice' dalam bidang sejarah lisan dan mewujudkan pangkalan data pakar sejarah lisan serta kajian yang telah dan sedang dijalankan. Matlamat akhirnya ialah untuk mempromosikan kesedaran dan kepentingan bidang sejarah lisan di Malaysia (<https://sejarahlisan.org.my/>).

Komunis dan pengisytiharan darurat

Ideologi komunis mula menyusup masuk ke Tanah Melayu pada awal tahun 1920-an melalui cawangan Parti Kuomintang (KMT), kesatuan sekerja, sekolah Cina, dan penerbitan akhbar (Ho, 2006). Bagi mendapatkan sokongan, bahan-bahan penerbitan komunis dalam Bahasa Cina diedarkan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) pada ketika itu (Khoo, 1984). Gerakan komunis menjadi aktif menjelang tahun 1924 berikutan penubuhan cawangan KMT hampir di setiap negeri (Ho, 2004). Pada tahun 1930, Parti Komunis China (PKC) di Tanah Melayu mengeluarkan risalah propaganda dalam tulisan rumi dan jawi bagi mendapatkan sokongan. Menjelang April 1930, Parti Komunis Malaya ditubuhkan. Parti Komunis Malaya (PKM) memasuki fasa baharu pada September 1940, apabila menerima arahan daripada PKC untuk bergabung dan bekerjasama dengan KMT di Tanah Melayu. Hal yang demikian ditegaskan oleh Tan Kah Kee, dalam satu ucapan di China, mengenai keperluan kerjasama antara KMT dan komunis dalam menentang pendudukan Jepun (WO 208/1523). Komunis juga berperanan sebagai penyokong British ketika pendudukan Jepun (CO 537/3757). Prasangka dan sentimen tentera Jepun menyebabkan ramai orang Cina mencari perlindungan di dalam hutan dan sebahagiannya dalam rumah bagi mengelakkan dibunuh (Akashi, 1995). Perjanjian persefahaman yang ditandatangani membolehkan sebahagian anggota-anggota PKM berpeluang mendapat latihan ketenteraan perang gerila daripada pihak British di *101 Special Training School* di Singapura (Chapman, 1997).

Komunis bertindak melakukan 'guerrilla warfare tactics' bagi kerja-kerja sabotaj dan penentangan terhadap tentera Jepun. Jawatankuasa Kerja Pusat PKM bersetuju meluluskan perjanjian kerjasama dengan British dan menggariskan program empat perkara pada 21 Disember 1941 (Aslie, 1993). Pada 15 April 1945, John Davis, Richard Broome dan Spencer Chapman sekali lagi bertemu dengan Chin Peng dan Loi Teck di Blantan, Perak serta bermulalah kerjasama antara British dan PKM. Ketika pendudukan tentera Jepun, penentangan didalangi oleh MPAJA dan *Malayan People Anti Japanese Union* (MPAJU) (WO 203/5642). MPAJU juga menjalankan polisi terbuka bagi merekrut ahli-ahli baharu tanpa mengira ideologi politik (Kheng, 2012). Sejar dengan persetujuan yang dicapai bersama dengan British, PKM mula merekrut seramai 200 pemuda Cina yang terpilih. Pada bulan Mei 1943, pasukan *Force 136* yang dipimpin oleh Kolonel John Davis masuk ke dalam hutan melancarkan gerakan penentangan terhadap Jepun (Trenowden, 1983). Tindakan Amerika Syarikat meledakkan bom atom di Hiroshima pada 6 Ogos 1945 dan Nagasaki pada 9 Ogos 1945 memaksa tentera Jepun menyerah diri sekali gus mengembalikan kekuasaan British di Tanah Melayu. Keganasan komunis dan tindakan zalim diterjemahkan ketika pengunduran tentera Jepun dari Tanah Melayu. Ruang kosong yang ditinggalkan selama 14 hari digunakan

oleh *Malayan People Anti Japanese Army* (MPAJA) dengan mengibarkan bendera komunis dan mula menguasai balai polis. Dianggarkan bahawa jumlah kekuatan Kuomintang (KMT) dan komunis ketika menentang Jepun ialah seramai 300,000 orang (AIR 23/7693).


Penduduk kampung dipaksa oleh MPAJA menjadi penyokong dengan membayar yuran perlindungan dan membekalkan bahan makanan. Penghulu dan Ketua kampung dipaksa menjadi anggota *Anti Japanese Union Force* (AJU). Mereka dipertanggungjawabkan mengumpul cukai daripada penduduk kampung. Walau bagaimanapun, pada peringkat awal, orang Melayu juga terpengaruh dengan propaganda komunis kerana dijanjikan ruang untuk memerdekakan Tanah Melayu. Rakyat di Tanah Melayu sentiasa diselubungi ketakutan dan kecurigaan. Ribuan anak-anak menjadi yatim piatu, ramai yang kehilangan harta benda dan tidak kurang juga yang menjadi tidak waras akibat perbuatan kejam tentera Jepun serta komunis. Komunis juga bertindak menggeledah rumah, merampas barangan penduduk, menyekat jalan raya dan memeriksa kenderaan serta penumpang dilakukan. Sebahagian daripada penduduk kampung yang disyaki bekerjasama dengan tentera Jepun diadili di Mahkamah Pengadilan Bintang Tiga yang dikenali sebagai '*Kangaroo Court*' (Raj, 1995). Sebahagian anggota komunis menyeksa individu dengan mengurung dalam bakul khinzir, ditikam dan dikelar serta disepak (Haniffa et al., 2017). Di Batu Pahat, Johor, menjelang tempoh masa tentera Jepun menyerah kalah, Bintang Tiga melarang orang Melayu berkumpul di surau dan masjid untuk bersolat. Gerila komunis bertindak menembak dan membakar masjid ketika orang Islam sedang menunaikan solat. Ruang masjid dicemari, dan al-Quran turut dijadikan sebagai pengesat najis.

Rasa benci dan api perkauman ketika penjajahan diterjemahkan dalam bentuk prasangka dan pergeseran kaum antara etnik Melayu-Cina. Konflik perkauman meletus di Johor antara Mac hingga Ogos 1945. Ini diikuti pula dengan pergaduhan di Ayer Hitam pada 20 Jun 1945 dan di Parit Kuman, Mukim Sungai Balang, Johor. Selain kejadian yang berlaku di Johor, konflik Melayu-Cina yang dianggap serius berlaku di Sungai Manik, Perak dan Kampung Bekor, Perak pada 6 Mac 1946. Walau bagaimanapun, usaha segera dilaksanakan dengan pembentukan Pentadbiran Tentera British (PTB). Tumpuan utama diberikan bagi membina kembali pemerintahan di Tanah Melayu dan mengembalikan keharmonian kaum (*Rajah 1*).



Rajah 1. Pejuang Syahid Peristiwa Bekor.

Keadaan huru-hara di Tanah Melayu menyebabkan darurat diisytiharkan. Peruntukan undang-undang tentang darurat juga dinyatakan dalam Perkara 149-151, Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Bahagian II iaitu Kuasa-Kuasa Khas Menentang Perbuatan Subversif dan Kuasa-kuasa Darurat. Dalam konteks keselamatan di Tanah Melayu sebelum mencapai kemerdekaan, pengisytiharan darurat dilakukan oleh Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu. Pada 16 Jun 1948, komunis membunuh tiga orang pengurus ladang Eropah di Sungai Siput, Perak iaitu Arthur Walker, Pengurus Ladang Elphil, John Allison, Pengurus Ladang Phin Soon dan pembantunya Ian Cristian. Sir Edward Gent, Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu mengisytiharkan Undang-undang Darurat di Ipoh, Sungai Siput dan Johor yang merangkumi daerah Muar, Kluang, Kulai serta Plentong. Pada 17 Jun 1948, Undang-undang Darurat diperluaskan meliputi keseluruhan negeri Perak dan Johor. Pada 18 Jun 1948, darurat diisytiharkan ke seluruh Tanah Melayu oleh Sir Edward Gent yang merupakan Pesuruhjaya Tinggi British. Darurat dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu "Build up period", tempoh 1952 hingga 1954 dan "Mopping up period" iaitu tempoh di antara tahun 1956 hingga 1960 di mana melakukan operasi pembersihan terhadap komunis sehingga mereka berundur ke sempadan Malaysia-Thailand (Ahmad, 1984) (*Rajah 2 dan Rajah 3*).



Rajah 2. Mangsa pembunuhan komunis.



Rajah 3. Di tapak perkuburan A.E. Walker.

Pilihanraya umum tahun 1955 dan tawaran pengampunan

Agenda pembanterasan komunis menjadi prioriti Tunku Abdul Rahman apabila di lantik sebagai Presiden *United Malay National Organizations* (UMNO) pada tahun 1951. Hal yang demikian juga bertepatan dengan kenyataan Sir Gerald Templer yang ketika itu merupakan Pesuruhjaya Tinggi British ke Tanah Melayu pada tahun 1951. Dalam satu kenyataan Tunku Abdul Rahman pada awal bulan Januari 1955, beliau menyatakan bahawa pengampunan akan diberikan kepada komunis sebagai sebahagian daripada usaha menamatkan darurat di Tanah Melayu. Justeru itu, Tunku Abdul Rahman bertemu dengan Director of Operations Leftenan Jeneral Sir Geoffrey Bourne berhubung dengan cadangan tersebut. Satu mesyuarat diadakan di Melaka pada 12 Januari 1955, antara Perikatan UMNO-MCA bagi memperhalusi mengenai cadangan pengampunan yang dikemukakan. Parti Perikatan diwakili oleh Tunku Abdul Rahman dan H.S. Lee. Jawatankuasa tersebut diminta oleh pihak British untuk memperincikan mengenai cadangan pengampunan kepada PKM dan lapan fakta yang dikemukakan oleh Perikatan UMNO-MCA di Melaka.

Komunis terus melakukan keganasan dan rakyat Tanah Melayu berasa sangat terseksa hidup di bawah Undang-undang Darurat. Senario semasa di Tanah Melayu digunakan oleh Tunku Abdul Rahman bagi mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat dan parti politik. Ini membawa kepada pembentukan Parti Perikatan yang menggabungkan komponen UMNO, *Malayan Chinese Association* (MCA) dan *Malayan Indian Congress* (MIC). Manifesto Perikatan diwartakan pada 27 Julai 1955 dan menggunakan tema 'Merdeka dalam Masa Empat Tahun'. Beberapa dasar yang berkaitan dengan politik, pentadbiran, sosial dan ekonomi diwartakan sebagai tindakan lanjut Parti Perikatan jika diberi mandat dalam pilihan raya tersebut (Adam, 2005; 2003). Manifesto yang ditonjolkan itu jelas menunjukkan komitmen Parti Perikatan yang mahu bergerak ke arah berkerajaan sendiri (Fernando, 2009). Matlamat Tunku dalam pilihan raya tersebut ialah untuk memenangi semua kerusi yang dipertandingkan.

Penamaan calon ialah pada hari Rabu, 15 Jun 1955 (Mahmood, 1981). Dalam pilihanraya pertama pada hari Rabu, 27 Julai 1955, Parti Perikatan beroleh kemenangan besar dengan mendapat sebanyak 818,013 undi daripada jumlah keseluruhan iaitu 1,001,527 atau 81.7 peratus (Ibrahim, 2004). Parti Perikatan menguasai 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Pada 31 Julai 1955, jemaah menteri dibentuk dengan persetujuan Suruhanjaya Tinggi British (Adam, 2003). Sesuai dengan perkembangan semasa, pemimpin yang mewakili tiga parti politik cuba untuk memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing dan memastikan tidak timbul konflik sensitiviti serta konflik perkauman. Justeru itu, UMNO, MCA dan MIC memasuki fasa baharu dengan memperjuangkan politik antara kaum (Ibrahim, 2004).

Pada bulan September 1957, Parti Perikatan didaftarkan sebagai sebuah parti politik yang bebas daripada parti ahlinya (Means, 1970). Pada 8 September 1955, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengeluarkan deklarasi amnesti kepada pengganas komunis (Mahmud, 1998). Pengumuman tersebut menyebabkan pelbagai usaha dilakukan oleh Kerajaan Perikatan bagi membolehkan rakyat bekerjasama dalam memastikan komunis meletakkan senjata. Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock dan beberapa orang pemimpin politik menerima sepucuk surat dari *Central Committee of Malayan Communist Party* dari Klian Intan, Perak, pada 24 September 1955 yang dihantar oleh Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya, Chin Peng. Ini membawa kepada perbincangan Tunku Abdul Rahman bersama Sir Donald MacGillivray.

Tunku menjelaskan bahawa beliau akan menolak terus tuntutan bagi menjadikan Parti Komunis Malaya sebagai parti yang sah namun akan merundingkan lagi perkara-

perkara lain. Tunku Abdul Rahman memberikan keyakinan bahawa beliau akan 'mendengar', 'berbincang' dan membawa cadangan tersebut ke pengetahuan Pesuruhjaya Tinggi sebelum dimuktamadkan. Menjelang 24 Oktober 1955, MacGillivray menghantar rumusan laporan perbincangan *Senior Adviser* kepada Setiausaha Kolonial bagi mendapatkan pertimbangan dan kebenaran. Walau bagaimanapun, Malcolm MacDonald, mantan *British Commissioner General for South East Asia* bersetuju dengan MacGillivray bahawa Tunku perlu diberikan kebenaran untuk menjalankan perundingan bersama Chin Peng, namun Kerajaan British mempunyai hak untuk menolak sebarang perkara yang bercanggah dengan tawaran pengampunan.

Pada 29 Oktober 1955, Lennox-Boyd menghantar telegram kepada MacGillivray dan mengingatkan agar Tunku Abdul Rahman hanya membincangkan hal berkaitan amnesti sahaja (Sulaiman, 2021). Mesyuarat antara Tunku dan MacGillivray diadakan pada 18 November 1955 dan beliau teruja dengan perkembangan positif serta mencadangkan bahawa pertemuan bersama Chin Peng diadakan pada 9 Disember 1955. Walau bagaimanapun, tarikh pertemuan ditukar kerana David Marshall akan berangkat ke London bagi merundingkan kemerdekaan Singapura pada 2 Disember 1955. Tunku mengarahkan Too J.H. ke Klian Intan pada 20 November 1955 dan memaklumkan terhadap isu-isu dan tarikh pertemuan. Chen Tien memberikan tiga syarat tambahan seperti keselamatan delegasi Chin Peng, dan menjemput Suruhanjaya Antarabangsa bagi memantau proses rundingan. Di samping itu, Chin Peng juga mahu syarat-syarat amnesti dipinda supaya lebih liberal. Tunku menolak syarat penglibatan Suruhanjaya Antarabangsa di dalam rundingan. Tunku juga membuat penegasan bahawa beliau akan hadir "sebagai pihak yang menang, bukan sebaliknya".

Jurucakap bagi pihak kerajaan mencadangkan bahawa rundingan tersebut perlu diadakan pada 28 Disember 1955. Justeru itu, satu mesyuarat terakhir diadakan di Klian Intan pada 24 Disember 1955 yang diwakili oleh Chen Tien, Lee C.H., Wylie dan Too J.H. Tawaran pengampunan yang dikeluarkan disebarluaskan secara meluas agar sampai ke pengetahuan PKM. Di samping itu, persiapan diatur bagi mengadakan rundingan bersama Chin Peng. Fokus utama Tunku Abdul Rahman ialah mahu bersemuka dengan Chin Peng bagi menerangkan syarat-syarat pengampunan dan menimbangkan sebarang cadangan yang mungkin dikemukakan oleh pihak PKM. Pengumuman tersebut menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat. Sebanyak 12 juta "Pas Pengampunan" (Ho, 2004) dan 40 juta keping risalah "Tawaran Menyerah Diri" yang dicetak dalam bahasa Cina, Tamil dan Melayu digugurkan dari udara ke kawasan hutan.

Rundingan Baling 1955

Pekan Baling dipilih sebagai lokasi rundingan kerana merupakan kawasan pilihan raya Tunku Abdul Rahman. Pengumuman mengenai peristiwa rundingan tersebut menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan penduduk. Pelbagai persiapan diatur bagi memastikan rundingan tersebut berlangsung dalam keadaan yang terkawal. Di tengah padang, khemah didirikan dan dikawal oleh polis serta tentera. Penduduk sekitar datang ke Pekan Baling untuk melihat sendiri suasana ketika sesi rundingan dan wajah anggota komunis seperti Chin Peng dan Rashid Maidin dari dekat. Baling menjadi tempat aktif pergerakan komunis kerana masih diliputi oleh kawasan hutan. Antara lokasi yang menjadi tempat persembunyian komunis ialah di Kampung Dalam Wang. Di belakang bukit Kampung Dalam Wang menjadi petempatan penanam sayur berketurunan Cina. Lokasi tersebut juga menjadi tempat pergerakan komunis hingga ke Siong. Hal yang

demikian membuktikan bahawa Baling menjadi lokasi yang sentiasa menjadi tumpuan. "Operation Pink Gink" menjadi kod rahsia bagi peristiwa bersejarah tersebut. Sepucuk surat yang diterima pada bulan Jun 1955 daripada wakil Ibu Pejabat Pemerintah Tertinggi Tentera Pembebasan Malaya menegaskan bahawa PKM bersedia untuk mengadakan rundingan bagi menamatkan darurat (Awang, 1985). Surat tersebut tidak menyatakan nama Chin Peng sebaliknya menggunakan nama samaran sebagai Ng Heng (Hamid, 2019).

John Davis dipertanggungjawabkan sebagai pegawai perantara. Rombongan komunis yang diketuai oleh Chin Peng, Chen Tien, Rashid Maidin bersama seorang tukang masak keluar dari hutan lebih kurang jam 9.00 pagi. Di samping bekalan makanan tentera, Chin Peng juga dibekalkan dengan sayur-sayuran segar, telur, ikan dan beras. Tukang masaknya juga dibenarkan ke Pasar Baling dengan kawalan untuk mendapatkan barang-barang keperluan lain. Segala perbelanjaan dibayar oleh pihak kerajaan. Manakala *Malayan Film Unit Cameraman* sahaja yang dibenarkan berada di kawasan *Baling English School* untuk merakamkan gambar-gambar yang diizinkan oleh Tunku Abdul Rahman. Chin Peng dibawa ke Baling dengan menaiki sebuah trak polis berwarna hitam bersama dengan John Davis. Perjalanan dari Klian Intan ke Baling sejauh hampir 10 batu. Rundingan tersebut diadakan di *Baling English School* yang merupakan sebuah sekolah terbaharu di pekan Baling ketika itu. Kawasan sekolah tersebut dipagar dengan kawat berduri yang tinggi. Sebuah bilik darjah di bangunan sekolah sudah diatur sebagai tempat rundingan. Chin Peng dan rakan-rakannya dibawa ke rumah Guru Besar sekolah yang dikhaskan. Semasa rundingan diadakan, Chin Peng diberikan bekalan makanan tentera dan sebagai tambahan menerima daging ayam, telur, sayur-sayuran serta nasi. Dia juga diberikan keizinan untuk membeli barangan di Pasar Baling. Chin Peng dan Chen Tien meminta baju singlet serta seluar dalam yang baharu manakala tuala, berus gigi, ubat gigi dan seketul sabun dibekalkan kepada setiap seorang (Awang, 1985).

Rundingan Baling diadakan pada 28 dan 29 Disember 1955. Pertemuan tersebut melibatkan YTM Tunku Abdul Rahman, Dato Sir Tan Cheng Lock, David Marshall, Chin Peng, Chen Tien dan Rashid Maidin (Nik Anuar Nik Mahmud, 1998). Rundingan tersebut berlangsung dalam suasana yang tenang dan Tunku Abdul Rahman menggunakan tutur kata sopan serta mesra. Ini menyebabkan proses rundingan tersebut berlangsung dengan baik.

Rundingan hari pertama

Rundingan hari pertama diadakan pada 28 Disember 1955 dan tempoh masa berlangsungnya sesi pertama adalah selama sejam sahaja antara jam 2.30 petang hingga 3.30 petang. Dalam pertemuan tersebut hanya sembilan soalan dikemukakan. Lima soalan dikemukakan oleh Tunku Abdul Rahman, tiga oleh Chin Peng dan satu oleh David Marshall. Sesi pertemuan pertama lebih kepada bertanya khabar dan perkenalan. Rundingan tersebut dimulakan dengan Tunku bertanya kepada Chin Peng mengenai layanan yang diberikan kepadanya. Selepas itu, jurugambar dan pemberita dibenarkan masuk ke dalam bilik perjumpaan untuk mengambil gambar (Mahmood, 1981). Sesi rundingan tersebut dimulakan oleh Tunku Abdul Rahman dengan menggunakan bahasa Inggeris dan diterjemahkan oleh Chen Tien ke bahasa Mandarin. Beliau mengucapkan terima kasih di atas keyakinan pihak komunis untuk berunding dengan pihak kerajaan. Beliau turut menegaskan bahawa tugas dan tanggungjawabnya ialah untuk menerangkan mengenai terma pengampunan serta bukannya untuk membuat satu

keputusan (Mahmud, 1998). Penterjemah bagi sesi tersebut ialah Ho Wai Kong dan Yong Tham Kwee manakala Yeo serta Ratnam berperanan sebagai jurutrengkas (Sulaiman, 2021). Tunku Abdul Rahman turut menerangkan mengenai persediaan Tanah Melayu untuk menuntut kemerdekaan daripada pihak British. Beliau juga menerangkan mengenai Rundingan London bersama pihak British yang akan dilakukan pada bulan Januari tahun 1956 dan resolusi UMNO bagi kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Menurutnya lagi, objektif parti mereka ialah untuk membawa keamanan terhadap negara. Beliau juga menerangkan mengenai kemusnahan dan kezaliman yang dilakukan oleh komunis serta tawaran pengampunan beramai-ramai bagi anggota PKM. Kejujuran Tunku mewakili Kerajaan Persekutuan dan bukannya sebagai “running dog of colonialism” (Mahmud, 1998). Mesyuarat sesi pertama berehat selama 10 minit pada jam 3.30 petang.

Sesi kedua pula bermula tepat jam 3.40 petang. Tanggungjawab sebagai jurutrengkas diberikan kepada Wong Loong Seang dan Prakabharam. Sesi kedua membincangkan mengenai taat setia terhadap Persekutuan Tanah Melayu dan keperluan membubarkan PKM. Orang Cina menjadi sasaran dan kelompok yang paling ramai terjejas berikutan darurat. Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan jumlah kewangan yang besar bagi membanteras komunis di Tanah Melayu. Hal yang demikian dibangkitkan oleh Tan Cheng Lock: *“As the M.C.P. consists mostly of Chinese, it is the Chinese community who have suffered most in the last eight of the Emergency and therefore as Chinese we particularly wish that there will be peace and end to this war”* (Mahmud, 1998). Chin Peng mengemukakan persoalan kesetiaan terhadap Persekutuan Tanah Melayu kepada Tunku Abdul Rahman bagi mendapatkan penjelasan. Jawapan Tunku yang tegas menyatakan bahawa PKM hendaklah segera menghentikan segala aktiviti keganasan dan membubarkan PKM. Dalam perbincangan tersebut, Chin Peng tetap berhujah dan mempertahankan kebebasan serta kesetiaan anggota PKM (Sulaiman, 2021). Sesi rundingan ditamatkan pada jam 5.45 petang untuk berhenti rehat selama 30 minit. Delegasi Tunku beredar ke kediaman Pegawai Daerah untuk menikmati teh manakala Chin Peng diiringi John Davis terus ke bilik penginapan. Penelitian mendapati bahawa keseluruhan tempoh masa bagi sesi kedua ialah selama 125 minit di mana sebanyak 60 soal jawab atau komunikasi berlaku. Tunku Abdul Rahman mengemukakan sebanyak 20 soalan diikuti dengan Chin Peng sebanyak 21 soalan. David Marshall pula mengemukakan sebanyak 14 soalan diikuti dengan Dato’ Tan Cheng Lock.

Sesi ketiga rundingan dijalankan pada hari yang sama dan bermula pada jam 6.40 petang. Sesi tersebut berlangsung selama 95 minit dan mengandungi sebanyak 134 soal jawab. Yeo dan Ratnam mengambil semula tanggungjawab sebagai jurutrengkas. Pada masa yang sama, pihak kerajaan menyediakan kenyataan akhbar yang disiarkan pada jam 7.25 malam. Komunikasi dalam sesi ketiga ini agak tenang dan mengandungi gelak ketawa antara pihak kerajaan serta PKM. Chin Peng mengemukakan sebanyak 53 soalan diikuti Tunku sebanyak 43 soalan manakala David Marshall sebanyak 38 soalan. Tuntutan utama Chin Peng ialah mengenai penglibatan dalam parti politik atau menubuhkan parti baharu yang bukannya berunsurkan komunis bagi anggota menyerah diri. Chin Peng juga memohon kepada kerajaan agar anggota komunis yang menyerah diri tidak disiasat dan terus dibebaskan serta boleh mencampuri masyarakat (Mahmood, 1981). Chin Peng juga membangkitkan mengenai ultimatum iaitu ‘sebagai amaran’ yang terakhir yang mesti dipatuhi dalam tempoh tertentu.’ Hal yang demikian ditegaskan oleh Tunku dan David Marshall bahawa ia bukanlah merupakan satu ultimatum. Satu penegasan telah dibuat dalam sesi ketiga iaitu PKM tidak akan diiktiraf

di Tanah Melayu sebagai sebuah parti yang sah (Mahmud, 1998). Mesyuarat ditangguhkan pada jam 8.05 malam. Tunku Abdul Rahman memberitahu Chin Peng bahawa rundingan esok perlu ditamatkan selewat-lewatnya pada waktu tengah hari esok. Sejurus itu, Tunku singgah di bangunan baharu mahkamah untuk menghubungi MacGillivray melalui talian panas di King's House bagi melaporkan perkembangan perjalanan mesyuarat. Tunku bermalam di Rumah Rehat Kulim manakala Chin Peng yang diiringi oleh John Davis terus ke bilik penginapan. John Davis menyatakan bahawa Chin Peng tidak banyak bercakap pada malam tersebut kerana hasil ketiga-tiga sesi rundingan lebih banyak cenderung ke arah kerajaan. Chin Peng juga dikatakan menutup semua tingkap biliknya untuk mengelakkan gangguan para wartawan. Sementara itu, jurutrengkas berusaha menyediakan kenyataan rasmi yang dikeluarkan pada jam 10.55 malam.

Rundingan hari kedua

Rundingan pada hari kedua iaitu 29 Disember 1955 bermula dari jam 10.50 pagi hingga 12.48 tengah hari dan hanya berlangsung selama 118 minit. Sebanyak 105 soal jawab yang dikemukakan. Sesi tersebut didominasi oleh Chin Peng dengan sebanyak 38 soalan diikuti dengan Tunku sebanyak 32 soalan. David Marshall mengemukakan 31 soalan diikuti dengan Chen Tien sebanyak empat soalan. Jurugambar iaitu Lim Joo Keng, Lai Ah Lek dan A.F merakamkan gambar semua delegasi sebelum bermula mesyuarat. Ang bertugas sebagai jurutrengkas. Kandungan perundingan pada hari keempat lebih berbentuk penegasan dari kedua-dua pihak. Chin Peng dan PKM tetap berkeras dan menolak kehendak Parti Perikatan yang mahukan ahli PKM menyerah diri dan mengaku bersalah serta dibicarakan sebagai pesalah politik. Chin Peng juga mahu PKM diterima semula ke dalam masyarakat tanpa sebarang syarat. PKM juga mahu terlibat dalam politik negara selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Kewibawaan Tunku tidak dapat disangkal apabila cuba mengasak Chin Peng dengan desakan bertalu-talu supaya menyerah diri dan PKM dibubarkan. Ketegasan beliau dalam perundingan tersebut juga jelas apabila memaksa PKM meletakkan senjata dan menyerah diri. Hal yang demikian menggambarkan keseluruhan sikap beliau terhadap PKM dalam perundingan tersebut (Adam, 2005). Tunku juga dengan nada penuh tegas menyatakan bahawa rakyat Tanah Melayu dan Singapura yang berjumlah 7, 000,000 orang perlu diutamakan berbanding dengan jumlah anggota komunis seramai 3,000 orang. Pertemuan tersebut juga jelas menunjukkan keengganan kedua-dua pihak bertolak ansur dan tiada keputusan muktamad yang dicapai. Mesyuarat ditamatkan pada jam 12.48 tengah hari (Mahmud, 1998).

Dalam Rundingan Baling, Dato Tan Cheng Lock hanya mengemukakan sebanyak lima soalan sahaja dalam Sesi Kedua (Chin et al., 2003). Walau bagaimanapun, pandangan tersebut disangkal oleh ahli keluarganya (Scott-Ross, 1990). Keseluruhan jumlah soal jawab antara wakil kerajaan dan PKM ialah sebanyak 308 sahaja atau selama 398 minit @ 6 jam 38 minit (Mahmud, 1998). Rundingan tersebut ditamatkan pada 29 Disember 1955 kerana tidak mendapat persetujuan dari pihak komunis. Hal yang demikian kerana PKM tidak berhasrat mahu menerima cadangan dan meletakkan senjata. Chin Peng beranggapan bahawa 'berunding adalah seperti komunis menyerah kalah'. Pendirian Chin Peng menunjukkan bahawa PKM berminat untuk mendapatkan kebebasan berpolitik tanpa sekatan bagi mencapai cita-cita mereka.

Chin Peng seolah-olah berasa kesal kerana gagal mendapat pertimbangan dari pihak kerajaan. Hal yang demikian juga berikutan kepintaran dan ketegasan Tunku Abdul Rahman dalam mempertahankan pendiriannya (Awang, 1985). Pendirian kerajaan yang tidak mahu berkompromi dengan pihak PKM diterjemahkan dalam rundingan tersebut. Sejurus tamat rundingan selama dua hari, Chin Peng bersama rakan-rakannya balik semula ke hutan dengan diiringi oleh John Davis. Atas persetujuan bersama iaitu Tunku Abdul Rahman, John Davis dan Chin Peng sebuah kotak pos ditempatkan bagi memudahkan urusan perhubungan antara komunis dengan pihak kerajaan (Awang, 1985). Ini menggambarkan komitmen pihak Kerajaan Persekutuan yang masih mengharapkan komunis akan berubah fikiran dan mempersetujui syarat-syarat yang ditetapkan.

Tunku mengumumkan keputusannya untuk menarik kembali tawaran pengampunan yang disiarkan menerusi Radio Malaya pada 30 Disember 1955 kerana tidak lagi menaruh sebarang harapan terhadap Chin Peng dan PKM. Cadangan asal Tunku untuk membincangkan dengan pihak British mengenai PKM dalam perundingannya di London pada bulan Februari 1956 gagal. Usaha yang dilakukan oleh Tunku sebagai seorang pemimpin jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Perikatan sudah melaksanakan yang terbaik untuk membawa keamanan bagi mencapai kemerdekaan Tanah Melayu (Adam, 2005). Persetujuan Chin Peng menyertai Rundingan Baling membuktikan bahawa PKM semakin lemah dan tidak berwibawa (Thukiman, 2002) (*Rajah 4*). Namun usaha yang dilakukan oleh Tunku dalam menggabungkan kerjasama setiap kaum sehingga membentuk “Perikatan” merupakan salah satu kewibawaan beliau (Raj, 1995).



Rajah 4. Galeri rundingan Baling.

Kesimpulan

Rundingan Baling merupakan pertemuan untuk membincangkan dua ideologi yang bertentangan iaitu komunis dan kerajaan. Peristiwa darurat membuktikan bahawa negara pernah berhadapan dengan kemelut keselamatan yang penting sebelum kemerdekaan negara diperoleh. PKM bertujuan untuk membentuk Republik Komunis Malaya. Pemberontakan bersenjata komunis mengakibatkan kemusnahan dan kezaliman yang tercetus serata negara. Rundingan Baling adalah inisiatif yang dilakukan oleh Parti Perikatan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman dalam usaha

menamatkan darurat dan mencapai kemerdekaan. Chin Peng dan pengikut-pengikutnya berundur ke sempadan Thailand sehingga termeterainya Perjanjian Damai Hatyai pada 2 Disember 1989. Pertemuan bersemuka tersebut adalah merupakan pengorbanan negarawan tersohor iaitu Tunku Abdul Rahman yang mengenyepikan keselamatan diri demi tanah air tercinta. Terdapat banyak perkara yang tidak mampu ditulis dalam dokumen hanya berupaya dicungkil melalui kaedah lisan. Analisis transkrip yang dibuat memberikan makna tersendiri dalam merungkai peristiwa bersejarah negara. Usaha murni dalam melestarikan peristiwa penting dan bersejarah telah dilakukan oleh Lembaga Muzium Negeri Kedah bersama sekumpulan penyelidik dari Universiti Utara Malaysia. Hasilnya lahirlah Galeri Rundingan Baling yang berada di lokasi pertemuan asal iaitu di Sekolah Tunku Putra, Baling, Kedah (seperti di *Rajah 4*).

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Adam, R. (2005): Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra. – Dewan Bahasa dan Pustaka 493p.
- [2] Adam, R. (2003): Sejarah perkembangan pilihanraya era pra-merdeka, 1955. – Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia 45p.
- [3] Ahmad, R.H. (1984): Perjumpaan Baling 1955. – In K. K. Khoo & A. H. Nawang (Eds.) Darurat 1948–1960, Muzium Angkatan Tentera 247p.
- [4] Akashi, Y. (1995): The anti-Japanese movement in Perak during the Japanese occupation, 1941–45. – Malaya and Singapore during the Japanese Occupation, Singapore University Press, Singapore 37p.
- [5] Aslie, M.R.H. (1993): Pemberontakan bersenjata komunis di Malaysia. – Dewan Bahasa dan Pustaka 307p.
- [6] Awang, W.H. (1985): Detik sejarah rundingan Baling. – Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd. 205p.
- [7] Chapman, F.S. (1997): The jungle is neutral. – Times Books International 347p.
- [8] Chin, P., Ward, I., Miraflor, N. (2003): Chin Peng: My Side of History: Recollections of a Revolutionary Leader. – Media Masters 527p.
- [9] Fernando, J.M. (2009): The Alliance Road to Independence (UM Press). – The University of Malaya Press 579p.
- [10] Hamid, M.R.A. (2019): Serang hendap Kampung Lalang. – Firdaus Press Sdn. Bhd. 396p.
- [11] Haniffa, M.A., Paidi, Z., Rambely, N. (2017): SURVIVAL ORANG MELAYU DI JOHOR BERIKUTAN KEKEJAMAN KOMUNIS, 1945. – Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy 44(1): 117-142.
- [12] Ho, H.L. (2006): Darurat dan perpaduan [Emergency and unity] [Paper presentation]. – Persidangan Kebangsaan Mengenai Dato' Onn Jaafar, Malaysia 2p.
- [13] Ho, H.L. (2004): Darurat 1948-1960: keadaan sosial di Tanah Melayu/Ho Hui Ling. – Penerbit Universiti Malaya 361p.

- [14] Ibrahim, M.A. (2004): *Gagasan bangsa Malayan yang bersatu, 1945-57.* – Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia 265p.
- [15] Kheng, C.B. (2012): *Red Star over Malaya: resistance and social conflict during and after the Japanese Occupation, 1941-1946.* – NUS press 446p.
- [16] Khoo, K.K. (1984): *Gerakan komunis di Tanah Melayu sehingga tertubuhnya PKM.* – Dalam K. K. Khoo & A. H. Nawang (Ed.) *Darurat 1948-1960.* Muzium Angkatan Tentera 21p.
- [17] Mahmood, I. (1981): *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu: Suatu Penyingkapan Kembali Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu Menuju Kemerdekaan/oleh Ibrahim Mahmood.* – Pustaka Antara 1011p.
- [18] Mahmud, N.A.N. (1998): *Tunku Abdul Rahman and his role in the Baling talks.* – Pustaka Perdana 104p.
- [19] Means, G.P. (1970): *Malaysian politics: The second generation.* – Oxford University Press 366p.
- [20] Raj, J.J. (1995): *The war year and after.* – Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd. 303p.
- [21] Scott-Ross, A. (1990): *Tun Dato Sir Cheng Lock Tan, SMN, DPMJ, KBE, JP: A Personal Profile.* – PNM 307p.
- [22] Sulaiman, N.I. (2021): *Liku-liku pertemuan Baling.* – Dewan Bahasa dan Pustaka 282p.
- [23] Thukiman, K. (2002): *Malaysia: Perspektif, sejarah, dan politik.* – Penerbit Universiti Teknologi Malaysia 238p.
- [24] Trenowden, I. (1983): *Malayan operations most secret, Force 136.* – Heinemann 231p.